



## SIARAN MEDIA

### ADUAN PREMIS DOBI BEROPERASI DI KAWASAN KEDIAMAN

Majlis Perbandaran Selayang (MPS) telah menerima aduan daripada penduduk Selayang Baru berkaitan sebuah premis dobi (Dobi Queen) yang beroperasi di kawasan kediaman sehingga menimbulkan kacau ganggu.

Sehubungan itu, MPS telah menjalankan siasatan aduan di lokasi pada 17 Januari 2024 dan mendapati premis tersebut mempunyai Lesen Perniagaan MPS Tahun 2024. Namun begitu, hasil siasatan mendapati terdapat pelanggaran syarat-syarat pelesenan MPS oleh premis dobi tersebut seperti tidak menyediakan alat pemadam api di premis dan tidak membuat pemasangan *blower* dengan sempurna.

Notis Pematuhan Syarat Lesen Perniagaan telah dikeluarkan kepada pemilik premis tersebut dan ditampal di pintu premis untuk tindakan pemilik selanjutnya. Pemilik premis perlu hadir ke MPS bagi tindakan pematuhan lesen premis perniagaan dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh notis dikeluarkan. Jika pemilik premis gagal mengemukakan tindakan mengikut tempoh masa seperti yang telah dinyatakan, lesen perniagaan premis ini boleh dibatalkan.

**#TAMAT#**

#### Dikeluarkan Oleh:

Bahagian Perhubungan Awam  
Jabatan Korporat

**b.p. Yang Dipertua**  
Majlis Perbandaran Selayang  
**19 Januari 2024**